NOTIS

SIASATAN AWAM MENGENAI SEMAKAN PENENTUAN SURUHANJAYA BERKENAAN STANDARD MANDATORI BAGI KUALITI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN TELEFON AWAM) PENENTUAN NO.3 TAHUN 2003

CYBERJAYA, 28 Ogos 2026 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mengadakan Siasatan Awam dari 28 Ogos 2026 hingga 13 Oktober 2026, selaras dengan Seksyen 55(2) hingga (9), 56 dan 61 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Siasatan Awam ini adalah mengenai Penentuan Suruhanjaya berkenaan Standard Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan (Perkhidmatan Telefon Awam) (MSQoS PPS) Penentuan No. 3 Tahun 2003, bertujuan untuk mendapatkan pandangan mengenai MSQoS PPS.

MCMC mempelawa para pemain industri, pihak berkepentingan dan orang awam untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan maklum balas bertulis mengenai soalan khusus dan pandangan awal yang digariskan dalam kertas tersebut. Responden digalakkan untuk menyokong maklum balas mereka dengan justifikasi dan jika berkenaan, menyediakan data atau maklumat yang relevan.

Maklum balas bertulis perlu dikemukakan kepada MCMC dalam bentuk salinan keras dan elektronik **sebelum pukul 12:00 tengah hari, 13 Oktober 2026**. Kertas Siasatan Awam tersebut boleh didapati di laman sesawang: www.mcmc.gov.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.
(Perhatian: Jabatan Komunikasi dan Kawal Selia Postal, Bahagian Hal Ehwal Pengguna dan Industri)
Tel.: +603 8688 8000
E-mel: cprd.pi@mcmc.gov.my